

10 &amp; 11 November 2018

2 &amp; 3 November 2018

Dewan Kompleks Sukan, UMP Kampus Gambang



5-STAR WORLD CLASS TECHNOLOGICAL UNIVERSITY



# Program PSH UMP bekalkan kemahiran modal insan

**Kuantan:** Pembelajaran Separjangan Hayat (PSH) wajar diberi penekanan dalam mendepani peredaran zaman sekarang gus membantu membaikalkan kemahiran modal insan ketika ini.

Ketua Pegawai Eksekutif UMP Advanced, Dr. Mohamad Rozi Hassan, berkata PSH dapat memberi keperluan individu dan guna tenaga di samping mewujudkan warganegara yang aktif dan kesaksamaan sosial.

Beliau berkata, ia adalah agenda penting kerajaan bagi melahirkan modal insan berkualiti dan berdaya saing menerusi Pelan Induksi Pembudayaan Pembelajaran Separjangan Hayat Peringkat Nasional 2011/2020 dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015/2025.

Katanya, UMP menerusi UMP Advanced Education komit untuk memperkuatkan pembentukan Separjangan Hayat (PSH) dan Program Pembangunan Sosioekonomi Veteran (PPSEV) kepada pelbagai segmen sasaran dan akan diperlakukan lagi kepada bakał-bakał veteran tentera dengan kerjasama Perbadanan Hal Ehwal Belak Anggota Tentera (PERHEBAT) yang akan menjadikan UMP sebagai kampus satelitnya.

## Pembelajaran dalam talian

"Kumpulan sasar lain PSH ialah lepasan sekolah, golongan dewasa yang bekerja, suri rumah dan waraga emas yang mahu memberi sumbangan kepada negara, menambah baik diri dan mempelbagaikan kemahiran."

"Kemahiran dalam pendekatan proses pengajaran dan pembelajaran khususnya dapat memberi tarikan kepada warga industri untuk menyertai program PSH di samping dapat melukaukan akses pendidikan dan membolehkan pembelajaran disesuaikan mengikut keperluan semasa pelajar," katanya.

Mohamad Rozi berkata, UMP Advanced juga mulai mengorak langkah dengan membangunkan sistem pembelajaran dalam talian bagi program profesional/eksekutif dalam mendekati akse kepada pendidikan berkualiti, menyediakan pemampaman kuat dan cekap membina jenama pendidikan PSH dan seterusnya melaukan pasaran program ke peringkat antarabangsa pada masa hadapan.

Beliau berkata, mod penawaran program yang ditawarkan oleh UMP Advanced juga dipelbagaikan iaitu

pendidikan jarak jauh, e-pembelajaran, pembelajaran separa musah, pembelajaran secara modular dan pembelajaran di tempat kerja.

"UMP Advanced juga dalam usaha pembudayaan dan pemerkaan PSH yang diterjemahkan dalam pelbagai produk penawaran program secara separa atau masing atau eksekutif untuk warga kerja industrinya," katanya.

"Usaha ini dilihat berdasarkan strategi 'Triple Track Approach' oleh UMP Advanced iaitu merangkumi pelaksanaan program profesional/eksekutif, program perdana dan program pembangunan sosioekonomi."

"Program profesional atau eksekutif mensasarkan golongan industri yang dijalankan secara hujung minggu dan dijalankan secara modular. Program ini direka khas mengikut industri berasaskan beberapa bidang yang mempunyai pertumbuhan di tingkat segera iaitu petrokimia dan gas, pembuatan, perladangan, logistik dan elektronik," katanya.

Bagi pelaksanaan program perdana pula, beliau berkata, ia ditawarkan di peringkat Jazah Sarjana Muda yang dijalankan secara hujung minggu di Kampus UMP dan IKTBN Sepang.

Penawaran secara fleksibel ini, katanya, memberi peluang kepada kumpulan sasar untuk meningkatkan tahap pendidikan lebih tinggi dan sesuai dengan ruang masa bagi yang sedang bekerja.

"Golongan bekerja di sektor industri perlu merentasi peluang pembelajaran dan peningkatan kepentingan program yang memberikan nilai tambah kepada ilmu yang dipelajari di UMP. Keperluan meningkatkan sijil akademik dalam bidang-bidang tertentu yang memerlukan kapakanan spesifik menuntut penyelesaian ilmu kemahiran tinggi ini tanpa henti," katanya.



## Kumpulan sasar lain PSH

PSH ialah lepasan sekolah, golongan dewasa yang bekerja, suri rumah dan waraga emas yang mahu memberi sumbangan kepada negara, menambah baik diri dan mempelbagaikan kemahiran"

**Dr. Mohamad Rozi Hassan,**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
UMP Advanced

## Info

### Program PSH UMP Advanced

- 3264 graduan sejak 2011
- 515 graduan pada 2018
- Kemaskini Februari 2019
- Ijazah Sarjana Muda
- Lepasan Diploma/STPM/Matrikulasi
- Setaraf lalayq memohon
- Program yang ditawarkan

### KEJURUTERAAN

- Kejuruteraan Kimia
- Kejuruteraan Awam
- Kejuruteraan Elektrik (Elektronik)
- Kejuruteraan Elektrik (Sistem Kuasa)
- Kejuruteraan Pembuatan
- Kejuruteraan Mekatronik
- Kejuruteraan Mekanikal
- Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)

### SAINS KOMPUTER

- Sains Komputer
- (Kejuruteraan Perisian)
- Sains Komputer (Teknologi Grafik & Multimedia)
- Sains Komputer (Sistem Komputer & Rangkaian)

### SAINS GUNAAN

- Sains Gunaan (Kimia Industri)
- Sains Gunaan (Bioteknologi Industri)
- Sains Gunaan (Teknologi Bahan)

### TEKNOLOGI KEJURUTERAAN

- Teknologi Kejuruteraan Elektrik (Kuasa & Mesin)
- Teknologi Kejuruteraan (Tenaga & Persekitaran)
- Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Farmaseutikal)
- Teknologi Kejuruteraan (Elektronik)
- Teknologi Kejuruteraan Kimia
- Permohonan dibuka sehingga 20 DESEMBER 2018
- Permohonan atas talian : [umpadvanced.ump.edu.my](http://umpadvanced.ump.edu.my)
- Sebarang pertanyaan: 012-6523001 / 012-6703001

